

Pembinaan Model Dakwah Melalui Pemodelan Regresi:

Kajian Kes di Kelantan

Development of a Da'wah Model through the Use of Regression Modelling:

Case Studies in Kelantan

Wan Mahmood Wan Ab Majid¹, Abdul Kareem Samaeng¹

(Received: Oct 08, 2024; Revised: May 13, 2025, 2022; Accepted: Jun 05, 2025)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan model dakwah yang efektif melalui penggunaan pemodelan regresi, dengan memberi tumpuan kepada pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam di Kelantan, Malaysia. Lima model regresi utama telah dibangunkan dan dianalisis, yang masing-masing menghubungkan aspek-aspek kritikal dalam penerimaan dan penghayatan ajaran Islam seperti pengetahuan akidah, ibadat, penghayatan budaya, fiqh jenayah, dan prinsip ekonomi Islam. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah metode kuantitatif dengan pendekatan statistik deskriptif. Teknik pengumpulan data melalui observasi, angket, dokumentasi. Hasil kajian didapati bahawa kepentingan akidah sebagai faktor yang paling berpengaruh dalam membentuk penghayatan budaya dan pemahaman terhadap amalan Islam. Kajian ini dapat memberikan pandangan berharga tentang bagaimana faktor-faktor ini berinteraksi dan menawarkan cadangan praktikal untuk memperbaiki strategi dakwah berdasarkan data empirikal. Disamping berfungsi sebagai panduan untuk pendekatan dakwah yang lebih terarah dan sensitif kepada konteks, meningkatkan penerimaan dan pemahaman Islam di kalangan bukan Islam di Kelantan.

Kata Kunci: *Model Dakwah, Pemodelan regresi, Kelantan*

¹ Faculty of Islamic Studies and Law, Fatoni University, Thailand. (Corresponding author / Email : wan.mahmood@yahoo.com)

Abstract

This study aims to develop an effective da'wah model through the use of regression modelling, focusing on various factors that influence the effectiveness of da'wah among non-Muslim communities in Kelantan, Malaysia. Five main regression models were developed and analyzed, each of which relates critical aspects in the acceptance and appreciation of Islamic teachings such as faith knowledge, worship, cultural appreciation, criminal fiqh, and Islamic economic principles. The method used in this study is a quantitative method with a descriptive statistical approach. Data collection techniques through observation, questionnaires, documentation. The results of the study found that the importance of faith is the most influential factor in shaping cultural appreciation and understanding of Islamic practices. This study can provide valuable insights into how these factors interact and offer practical suggestions for improving da'wah strategies based on empirical data. In addition to serving as a guide for a more targeted and context-sensitive approach to da'wah, increasing the acceptance and understanding of Islam among non-Muslims in Kelantan.

Keywords: *Da'wah Model, Regression Modeling, Kelantan*

Pendahuluan

Dakwah adalah usaha yang kritikal dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat secara meluas, melibatkan semua lapisan masyarakat, termasuk golongan yang belum menerima Islam (Amad Khurshid, 1980). Di Malaysia, negeri Kelantan dikenali sebagai sebuah negeri yang mempunyai tradisi keagamaan dan budaya yang kukuh, di mana Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan harian masyarakatnya (Abu Hasan, 2010). Walaupun begitu, dakwah kepada golongan bukan Islam di Kelantan memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan berasaskan bukti untuk memastikan mesej Islam dapat diterima dengan baik dan relevan dengan keperluan mereka.

Dalam konteks dakwah, setiap kelompok masyarakat mempunyai latar belakang, keperluan, dan cabaran yang berbeza. Oleh itu, pendekatan dakwah yang digunakan perlu disesuaikan dengan faktor-faktor ini untuk mencapai keberkesanan maksimum (Farihah, 2014). Dalam usaha ini, pemodelan regresi muncul sebagai alat statistik yang ampuh untuk memahami dan menganalisis hubungan antara pelbagai faktor yang mempengaruhi penerimaan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat bukan Islam (Rahman, S.@ Muhamad, S. 2019). Dengan menggunakan pemodelan regresi, kita dapat mengenal pasti pembolehubah-pembolehubah yang paling berpengaruh, seperti pengetahuan agama, penghayatan budaya, dan persepsi tentang Islam, dan bagaimana pembolehubah-pembolehubah ini saling berkaitan.

Kajian ini, yang memberi tumpuan kepada masyarakat di Kelantan, bertujuan untuk membangunkan model dakwah yang mampu mengenal pasti dan mengoptimumkan faktor-faktor yang paling berpengaruh dalam penerimaan Islam. Dengan demikian, model yang dibangunkan bukan sahaja bersifat responsif terhadap keperluan masyarakat setempat tetapi juga dapat dijadikan rujukan untuk usaha dakwah di kawasan-kawasan lain yang mempunyai latar belakang budaya dan agama yang berbeza. Melalui pemahaman yang lebih mendalam ini, kita dapat mempertingkatkan strategi dakwah yang lebih holistik, inklusif, dan berkesan dalam menyebarkan ajaran Islam di Malaysia dan seterusnya.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan model dakwah yang berkesan melalui pendekatan pemodelan regresi, dengan tumpuan khusus kepada masyarakat bukan Islam di Kelantan. Objektif-objektif khusus yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan model regresi untuk mengukur hubungan antara faktor-faktor Ini dengan keberkesanan dakwah
2. Menilai keberkesanan model yang dibangunkan dan menguji Kesahihannya.

Metodologi Kajian

Dalam usaha untuk membangunkan model dakwah yang berkesan, adalah penting untuk menggunakan pendekatan metodologi yang sistematik dan berasaskan bukti. Kajian ini, yang dijalankan di negeri Kelantan, Malaysia, bertujuan untuk membangunkan model dakwah yang dapat membantu dalam penyebaran ajaran Islam kepada golongan bukan Islam. Negeri Kelantan dipilih sebagai lokasi kajian kerana kekuatan tradisi keagamaan dan budaya Islam yang wujud di kalangan penduduknya (Ahmad, N. 2018). Walau bagaimanapun, usaha dakwah kepada golongan bukan Islam di negeri ini memerlukan pendekatan yang lebih terarah dan berasaskan data yang sahih.

1. Pemilihan Sampel

Kajian ini melibatkan 303 responden yang terdiri daripada 250 mualaf dan 53 bukan Islam. Pemilihan responden ini dilakukan secara rawak berstrata yang memastikan bahawa sampel yang dikumpulkan adalah representatif dan mencerminkan pelbagai latar belakang sosioekonomi dan budaya yang terdapat dalam masyarakat bukan Islam (Fariyah, I. 2014), terutamanya di Kelantan. Pemilihan sampel yang tepat adalah penting untuk memastikan bahawa hasil kajian ini dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas dan memberikan pandangan yang sahih mengenai keberkesanan dakwah dalam konteks yang berbeza.

2. Pengumpulan Data

Data untuk kajian ini dikumpulkan melalui soal selidik yang dirancang dengan rapi untuk mencecah pelbagai aspek penting yang mempengaruhi penerimaan dan pemahaman ajaran Islam. Soal selidik ini mengandungi 68 soalan, yang dirumuskan untuk merangkumi 10 konstruk utama yang berkaitan dengan aspek-aspek kritikal dalam dakwah. Konstruk-konstruk utama yang dianalisis termasuk:

1. Pengetahuan Akidah bertujuan untuk mengukur sejauh mana responden memahami konsep keimanan dalam Islam, termasuk kepercayaan kepada Tuhan, malaikat, kitab, nabi, dan hari akhirat.
2. Pengetahuan Ibadat bertujuan untuk mengukur pemahaman responden tentang amalan-amalan ibadat dalam Islam, seperti solat, puasa, zakat, dan haji.
3. Penghayatan Budaya bertujuan untuk menilai bagaimana responden menghayati dan mengintegrasikan nilai-nilai budaya Islam dalam kehidupan harian mereka, termasuk aspek moral dan etika (Abu Hasan, 2010). Seperti menghargai tradisi lokal, menggunakan bahasa daerah, berpartisipasi dalam kegiatan adat, serta mempraktikkan nilai-nilai budaya dalam interaksi sosial.
4. Pandangan terhadap Islam bertujuan untuk mengkaji persepsi responden terhadap Islam, termasuk pandangan mereka tentang relevansi dan kebaikan Islam dalam kehidupan moden.
5. Pengetahuan Fiqh Jenayah bertujuan untuk mengukur pemahaman responden terhadap aspek perundangan Islam, terutama yang berkaitan dengan hukum-hukum jenayah. Sebagai contoh pembunuhan, perzinahan, pencurian, menuduh zina, mabuk, dan kejahatan lainnya. Fiqh jenayah juga membahas sanksi-sanksi hukum yang berlaku atas perbuatan-perbuatan tersebut, seperti hukuman qishash, hudud, dan ta'zir (Abdullah, 2015).
6. Pengetahuan Ekonomi Islam bertujuan untuk menilai pemahaman responden tentang system ekonomi Islam, termasuk perbankan Islam, zakat, dan konsep ekonomi yang berpandukan syariah (Osman, F. & Ali, M. 2017).
7. Pengalaman Sosial bertujuan untuk menilai sejauh mana interaksi sosial responden dengan masyarakat Islam mempengaruhi pandangan dan penerimaan mereka terhadap Islam.

8. Kepercayaan terhadap Keadilan Islam bertujuan untuk mengukur persepsi responden tentang keadilan yang diajarkan dan dipraktikkan dalam Islam. Meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberikan kepada siapa sahaja, apa sahaja yang menjadi haknya, berdasarkan pada suatu prinsip bahwa semua orang sama kedudukannya.

9. Keterbukaan terhadap Pendidikan Islam bertujuan untuk menilai kesediaan responden untuk menerima pendidikan agama Islam dalam pelbagai bentuk. Seperti mendirikan sebuah club pengajian mingguan untuk menciptakan suasana menghargai dan menerima perbedaan merupakan landasan untuk menciptakan lingkungan yang ramah dan menghargai keragaman.

10. Kesediaan untuk Memeluk Islam bertujuan untuk mengukur tahap kesediaan dan keinginan responden bukan Islam untuk memeluk agama Islam.

3. Analisis Data Menggunakan Regresi Berganda

Setelah data dikumpulkan, langkah seterusnya adalah untuk menjalankan analisis data bagi mengenal pasti hubungan antara konstruk-konstruk yang telah ditentukan dan keberkesanan dakwah. Dalam kajian ini, analisis regresi berganda dipilih sebagai teknik analisis utama. Analisis regresi berganda adalah teknik statistik yang digunakan untuk mengkaji hubungan antara satu pembolehubah terikat (dependent variable) dengan satu atau lebih pembolehubah bebas (independent variables) (Rahman, A. & Ahmad, S. 2016). Dalam konteks dakwah, pembolehubah terikat mungkin merupakan ukuran keberkesanan dakwah, sementara pembolehubah bebas mungkin terdiri daripada pelbagai konstruk yang telah diukur melalui soal selidik.

Pemilihan analisis regresi berganda adalah tepat kerana ia membolehkan kajian ini untuk mengukur bagaimana setiap konstruk mempengaruhi keberkesanan dakwah secara individu dan kolektif (*Ibid.*) Teknik ini juga membolehkan kajian untuk memahami interaksi antara pelbagai faktor dan bagaimana faktor-faktor ini saling mempengaruhi. Contohnya, analisis regresi berganda boleh menunjukkan bagaimana pengetahuan akidah

mempengaruhi penghayatan budaya dan bagaimana kedua-dua faktor ini seterusnya mempengaruhi keberkesanan dakwah.

Proses analisis regresi melibatkan beberapa langkah penting. Pertama, konstruk utama yang telah diukur melalui soal selidik digunakan sebagai pembolehubah bebas, sementara keberkesanan dakwah dijadikan sebagai pembolehubah terikat. Kemudian, analisis regresi dilakukan untuk mengira koefisien bagi setiap pembolehubah bebas. Koefisien ini memberikan petunjuk tentang kekuatan dan arah hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah terikat. Sebagai contoh, koefisien yang positif menunjukkan bahawa peningkatan dalam pembolehubah bebas tertentu akan meningkatkan keberkesanan dakwah, sementara koefisien yang negatif menunjukkan kesan sebaliknya (Zin, A. 2015).

Setelah model regresi dibina, ia dinilai berdasarkan beberapa statistik penting, termasuk nilai R^2 terlaras, nilai p , dan ralat anggaran standard. Nilai R^2 terlaras menunjukkan sejauh mana model tersebut mampu menjelaskan variasi dalam pembolehubah terikat. Nilai p digunakan untuk menentukan kesignifikanan statistik bagi setiap pembolehubah bebas, sementara ralat anggaran standard memberikan gambaran tentang ketepatan ramalan yang dibuat oleh model.

Dapatan dan Perbincangan Hasil Kajian

Pada asasnya kajian ini bertujuan untuk membangunkan model dakwah yang efektif dengan menggunakan pemodelan regresi, yang memberi fokus kepada pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam di Kelantan. Lima model utama telah dibangunkan dan dianalisis, yang masing-masing menghubungkan aspek-aspek kritikal dalam penerimaan dan penghayatan ajaran Islam. Sebagai jawapan terhadap objektif kajian, berikut adalah dapatan dan perbincangan terperinci mengenai hasil yang diperoleh beberapa model dalam kajian ini.

1. Model Penghayatan Budaya (Konstruk A)

Salah satu model yang paling penting dalam kajian ini adalah model yang menghubungkan Penghayatan Budaya dengan Pengetahuan Akidah, Pengetahuan Ibadat, dan Pengetahuan Fiqh Jenayah. Model regresi yang dihasilkan adalah seperti berikut:

$$A = -0.005 + 0.708D - 0.190C + 0.167B$$

Dengan nilai *adjusted R*² sebanyak 0.559 dan standard error of the estimate sebanyak 0.6650, model ini menunjukkan bahawa pengetahuan akidah mempunyai pengaruh yang paling signifikan terhadap penghayatan budaya. Koefisien 0.708 menunjukkan bahawa peningkatan dalam pengetahuan akidah secara langsung dikaitkan dengan peningkatan dalam penghayatan budaya Islam. Ini menunjukkan betapa pentingnya pengetahuan akidah dalam membentuk bagaimana seseorang menghayati nilai-nilai dan budaya Islam.

Sebaliknya, pengetahuan ibadat menunjukkan koefisien negatif (-0.190), yang mencadangkan hubungan yang lebih kompleks. Walaupun pengetahuan ibadat juga mempengaruhi penghayatan budaya, kesannya mungkin bergantung kepada bagaimana ibadat dipraktikkan dalam konteks budaya tertentu. Akhirnya, pengetahuan fiqh jenayah menunjukkan koefisien positif tetapi lebih lemah (0.167) berbanding dengan pengetahuan akidah, menunjukkan bahawa walaupun ia mempengaruhi penghayatan budaya, pengaruhnya tidak sebesar pengetahuan akidah.

2. Model Pengetahuan Ibadat (Konstruk C1)

Model kedua dalam kajian ini menekankan Pengetahuan Ibadat, yang juga merupakan komponen penting dalam pembentukan model dakwah yang berkesan. Model regresi yang dihasilkan adalah seperti berikut:

$$C1 = 0.001 + 0.706D2 - 0.343C2 + 0.156G + 0.162E - 0.071F2$$

Dengan nilai *adjusted R*² sebanyak 0.685 dan standard error of the estimate sebanyak 0.5628, model ini menunjukkan bahawa Pengetahuan Akidah (D2) adalah faktor yang paling berpengaruh dengan koefisien 0.706. Ini mencerminkan betapa pentingnya pengetahuan akidah sebagai asas untuk ibadat yang betul. Namun, hubungan dengan Pengetahuan Fiqh Jenayah (C2) menunjukkan koefisien negatif (-0.343), yang mungkin

menunjukkan bahwa ada aspek dalam pengetahuan fiqh jenayah yang memerlukan penyesuaian dalam konteks amalan ibadat.

Pandangan mualaf tentang Islam (G) dengan koefisien 0.156 menunjukkan pengaruh yang positif, yang menunjukkan bagaimana pandangan positif terhadap Islam dapat meningkatkan pengetahuan ibadat. Pengetahuan ekonomi Islam (E) juga memberikan pengaruh tambahan yang signifikan terhadap pengetahuan ibadat dengan koefisien 0.162. Sebaliknya, pandangan non-Muslim tentang Islam (F2) menunjukkan koefisien negatif (-0.071), yang mungkin mencerminkan cabaran dalam penerimaan aspek ibadat dalam kalangan non-Muslim.

3. Model Pengetahuan Fiqh Jenayah (Konstruk B)

Model ini mengkaji bagaimana Pengetahuan Ibadat dan Penghayatan Budaya mempengaruhi Pengetahuan tentang Fiqh Jenayah. Model regresi yang dihasilkan adalah seperti berikut:

$$B = -0.005 + 0.604C2 + 0.157A + 0.120C1$$

Dengan nilai *adjusted R²* sebanyak 0.369 dan standard error of the estimate sebanyak 0.7940, model ini menunjukkan bahawa pengetahuan ibadat (C2) adalah faktor utama yang mempengaruhi pengetahuan tentang fiqh jenayah dengan koefisien 0.604. Ini menekankan betapa pentingnya pengetahuan praktikal agama dalam memahami aspek hukum Islam. Penghayatan budaya (A) dengan koefisien 0.157 menunjukkan bahawa bagaimana seseorang menghayati budaya Islam turut mempengaruhi pemahaman mereka tentang fiqh jenayah. Pengetahuan ibadat (C1) juga memberikan pengaruh yang sedikit tetapi signifikan dengan koefisien 0.120, yang mencerminkan bagaimana pengetahuan tentang ibadat yang lebih mendalam dapat mempengaruhi pemahaman mengenai hukum Islam.

4. Model Pengetahuan Ekonomi Islam (Konstruk E)

Model ini meneliti bagaimana Pengetahuan Akidah, Fiqh Jenayah, dan Ibadat mempengaruhi Pengetahuan tentang Sistem Perbankan dan Ekonomi Islam. Model regresi yang dihasilkan adalah seperti berikut:

$$E = -0.003 + 0.360D2 + 0.315D1 + 0.246C2 + 0.210C1$$

Dengan nilai *adjusted R*² sebanyak 0.512 dan standard error of the estimate sebanyak 0.7044, model ini menunjukkan bahwa pengetahuan akidah (D2 dan D1) secara konsisten mempengaruhi pemahaman tentang ekonomi Islam dengan koefisien masing-masing sebanyak 0.360 dan 0.315. Ini menunjukkan hubungan yang kuat antara kepercayaan agama dan amalan ekonomi. Pengetahuan fiqh jenayah (C2) dengan koefisien 0.246 juga memberikan pengaruh yang signifikan, mencerminkan peranan hukum Islam dalam konteks ekonomi. Pengetahuan ibadat (C1) dengan koefisien 0.210 menunjukkan pengaruh tambahan yang signifikan, yang menunjukkan kaitan antara amalan ibadat dan pemahaman ekonomi Islam.

5. Model Pandangan Mualaf Tentang Islam (Konstruk G)

Model terakhir dalam kajian ini mengkaji Pandangan Mualaf Tentang Islam, yang memainkan peranan penting dalam model dakwah. Model regresi yang dihasilkan adalah seperti berikut:

$$G = -0.001 + 0.699H + 0.226C1 + 0.099B + 0.065F2$$

Dengan nilai *adjusted R*² sebanyak 0.686 dan standard error of the estimate sebanyak 0.56612, model ini menunjukkan bahawa persepsi tentang bimbingan ilahi (hidayah) (H) sangat mempengaruhi pandangan mualaf tentang Islam dengan koefisien 0.699. Ini menegaskan betapa pentingnya aspek spiritual dalam proses dakwah. Pengetahuan ibadat (C1) dengan koefisien 0.226 menunjukkan pengaruh positif dari pengetahuan ibadat terhadap pandangan mualaf tentang Islam. Pengetahuan fiqh jenayah (B) dengan koefisien 0.099 menunjukkan pengaruh tambahan tetapi signifikan, yang mungkin mencerminkan bagaimana pemahaman tentang hukum Islam mempengaruhi persepsi mualaf. Pandangan non-Muslim tentang Islam (F2) dengan koefisien 0.065 menunjukkan pengaruh kecil tetapi signifikan, yang mungkin berkaitan dengan bagaimana mualaf memahami persepsi masyarakat luas tentang Islam.

Kesimpulan

Hasil analisis regresi yang dijalankan dalam kajian ini memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana pelbagai faktor mempengaruhi keberkesanan dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam di Kelantan. Setiap model regresi yang dibina menyoroti aspek-aspek kritikal dalam proses dakwah, dan hasilnya menunjukkan beberapa penemuan yang penting untuk difahami dan diterapkan dalam strategi dakwah yang lebih efektif.

Pertama, Model Penghayatan Budaya menunjukkan bahawa pengetahuan akidah adalah faktor yang paling signifikan dalam membentuk penghayatan budaya Islam. Ini menegaskan bahawa asas kepercayaan agama memainkan peranan yang sangat penting dalam bagaimana individu menginternalisasi dan mengamalkan nilai-nilai budaya Islam. Meskipun pengetahuan ibadat dan fiqh jenayah turut mempengaruhi penghayatan budaya, kesannya lebih kompleks dan memerlukan pemahaman yang lebih mendalam tentang konteks budaya di mana ibadat dipraktikkan.

Kedua, Model Pengetahuan Ibadat memperlihatkan bahawa pengetahuan akidah sekali lagi muncul sebagai faktor utama yang membentuk pemahaman dan amalan ibadat. Namun, hasil ini juga menunjukkan adanya hubungan yang kompleks antara pengetahuan ibadat dan fiqh jenayah, serta pandangan muallaf dan non-Muslim terhadap Islam. Ini mencadangkan bahawa strategi dakwah harus mengambil kira pelbagai faktor ini, terutamanya dalam konteks cabaran yang mungkin timbul dalam penerimaan amalan ibadat oleh non-Muslim (Ahmad, N. 2018)

Ketiga, Model Pengetahuan Fiqh Jenayah menekankan pentingnya pengetahuan ibadat dan penghayatan budaya dalam memahami dan menerima aspek-aspek hukum Islam. Penemuan ini menunjukkan bahawa pemahaman yang baik tentang ibadat dan nilai-nilai budaya Islam boleh membantu individu dalam menerima prinsip-prinsip keadilan dalam fiqh jenayah, yang sering kali menjadi topik yang sensitif dan penuh cabaran dalam konteks dakwah kepada non-Muslim.

Keempat, Model Pengetahuan Ekonomi Islam menunjukkan hubungan yang kuat antara kepercayaan agama dan pemahaman tentang sistem perbankan dan ekonomi Islam. Ini menegaskan bahawa pengetahuan akidah dan amalan ibadat bukan sahaja penting dalam aspek spiritual, tetapi juga dalam bagaimana individu memahami dan menerima prinsip-prinsip ekonomi Islam. Hasil ini mencadangkan bahawa dalam konteks dakwah, menekankan keadilan dan etika dalam ekonomi Islam boleh menjadi strategi yang berkesan untuk menarik minat bukan Islam. (Osman, F. & Ali, M. 2017)

Akhirnya, Model Pandangan Mualaf Tentang Islam menyoroti pentingnya aspek spiritual, khususnya persepsi tentang bimbingan ilahi (hidayah), dalam membentuk pandangan mualaf terhadap Islam. Ini menunjukkan bahawa pengalaman spiritual yang positif dan pengetahuan tentang ibadat boleh membantu mualaf untuk lebih menerima dan mengamalkan ajaran Islam (Hassan, 2020). Pada masa yang sama, pandangan non-Muslim tentang Islam juga memainkan peranan yang perlu diberi perhatian dalam merangka strategi dakwah yang inklusif dan sensitive (Abd Karim Z, 1993).

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini memberikan gambaran yang jelas tentang faktor-faktor yang paling mempengaruhi keberkesanan dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam di Kelantan. Strategi dakwah yang lebih berkesan memerlukan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana pengetahuan agama, penghayatan budaya, dan aspek-aspek hukum Islam boleh disampaikan dengan cara yang relevan dan sensitif terhadap konteks budaya dan sosial masyarakat sasaran. Melalui pendekatan yang lebih holistik dan berasaskan bukti ini, dakwah dapat dijalankan dengan lebih terarah, meningkatkan peluang untuk penerimaan yang lebih luas dan mendalam terhadap ajaran Islam.

Hasil kajian ini memberikan beberapa implikasi penting bagi strategi dakwah. Pertama, Pengetahuan Akidah ternyata menjadi faktor yang paling signifikan dalam beberapa model, menunjukkan bahawa pendidikan dalam aspek ini sangat penting dalam meningkatkan keberkesanan dakwah. Penghayatan budaya juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keberkesanan dakwah, terutama dalam konteks masyarakat yang memiliki nilai budaya yang kuat seperti di Kelantan.

Dari segi strategi, hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah harus disesuaikan berdasarkan data yang menunjukkan faktor-faktor mana yang paling berpengaruh dalam konteks tertentu. Sebagai contoh, meningkatkan pengetahuan akidah mungkin lebih efektif di beberapa kelompok, sementara penguatan aspek ibadat mungkin lebih diperlukan di kelompok lain.

Saranan dan Cadangan

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan model dakwah yang berkesan menggunakan pendekatan pemodelan regresi, dengan tumpuan khusus kepada masyarakat bukan Islam di Kelantan. Hasil kajian menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk pengetahuan akidah, pengetahuan ibadat, penghayatan budaya, pengetahuan fiqh jenayah, dan pengetahuan tentang ekonomi Islam.

Pengetahuan akidah didapati sebagai faktor yang paling signifikan dalam beberapa model, menunjukkan bahawa pendidikan dan pemahaman yang mendalam mengenai asas kepercayaan Islam adalah penting untuk meningkatkan penerimaan dan penghayatan ajaran Islam. Selain itu, penghayatan budaya juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keberkesanan dakwah, terutamanya dalam konteks masyarakat yang mempunyai nilai budaya yang kuat seperti di Kelantan.

Model-model regresi yang dibangunkan dalam kajian ini menyediakan panduan berasaskan bukti untuk merangka strategi dakwah yang lebih efektif dan relevan dengan konteks masyarakat sasaran. Dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai hubungan antara pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan dakwah, pendakwah dapat menyesuaikan pendekatan mereka untuk mencapai hasil yang lebih baik.

Kajian ini juga menekankan kepentingan penyesuaian strategi dakwah berdasarkan data empirikal. Ini bermakna, pendekatan dakwah tidak boleh bersifat satu saiz untuk semua, tetapi perlu disesuaikan mengikut keperluan dan latar belakang demografi masyarakat sasaran. Misalnya, peningkatan pengetahuan akidah mungkin lebih diperlukan

dalam kalangan tertentu, manakala pengukuhan pengetahuan ibadat mungkin lebih relevan untuk kelompok lain.

Pembinaan model dakwah melalui pemodelan regresi memberikan wawasan yang mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan dakwah. Dalam kajian kes di Kelantan ini, pengetahuan akidah, pengetahuan ibadat, dan penghayatan budaya terbukti sebagai faktor penting yang harus diperhatikan dalam merancang dan melaksanakan strategi dakwah yang efektif. Model regresi yang dibangunkan memberikan panduan yang berharga bagi pendakwah untuk menyesuaikan pendekatan mereka dengan lebih baik kepada masyarakat sasaran, meningkatkan peluang untuk penerimaan dan pemahaman yang lebih besar terhadap ajaran Islam.

Rujukan

- Abd al-Karim Z. A. (1993). *Usul al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdullah, M. (2015). *Fiqh Jenayah dalam Islam: Prinsip dan Aplikasinya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan, W. S. (2010). *Dakwah dalam Konteks Budaya: Pendekatan dan Cabaran*. *Jurnal Dakwah Islam*, 12(1): 24-38.
- Ahmad Khurshid (1980). *Islam: Its Meaning and Message*. Great Britain: The Islamic Foundation.
- Ahmad, N. (2018). *Pandangan Mualaf Terhadap Islam: Satu Kajian Kes di Malaysia*. *Journal of Islamic Studies*, 25(3): 45-67.
- Farihah, I. (2014). Strategi Dakwah Ditengah Konflik. *Masyarakat Addin*, 8(2): 22-36.
- Hassan, R. (2020). Pengalaman Mualaf: Satu Kajian Fenomenologi. *Journal of Islamic and Social Sciences*, 34(2): 78-94.
- Osman, F., & Ali, M. (2017). *Ekonomi Islam dan Keadilan Sosial: Perbandingan dengan Sistem Ekonomi Konvensional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Rahman, A., & Ahmad, S. (2016). Pengetahuan Ibadat dan Penerimaan Islam: Satu Kajian di Kalangan Bukan Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(3): 101-119.

Zin, A. (2015). *Dakwah Methodology*. University Malaya Publication.